

BERITA HARIAN - RABU 7 FEBRUARI 2018

Ibu bapa jaga akhlak cegah sifat zalim terhadap anak

Anak ialah amanah Allah yang sangat berharga kepada ibu bapa. Ibu bapa wajib mendidik anak dengan didikan agama yang baik dan memberi kasih sayang se-penuhnya terhadap anak tanpa syarat.

Seorang ayah yang soleh dan beriman akan sentiasa menjaga dan melindungi keluarganya dengan penuh kasih sayang dan perhatian, manakala ibu yang mithali akan sentiasa memastikan anaknya sentiasa terjaga dari sudut makan minum, pakaian, pendidikan dan spiritualnya dengan baik.

Anak ialah pengerat hubungan kasih sayang ibu dan bapa. Anak anak ialah anugerah terindah hadiah Allah untuk ibu bapa.

Kezaliman besar

Penderaan terhadap kanak-kanak satu kezaliman yang besar. Memukul sehingga menyebabkan kecederaan dan kematian adalah kezaliman dan sifat kebinatangan yang ada pada diri ibu dan bapa. Nauzubillah.

Semoga Allah menghindari dan menjauahkan kita daripada sifat



Memukul bukan untuk mendidik, menimbulkan kecederaan yang serius dan menyebabkan kematian. Anak ialah amanah Allah untuk dididik dengan agama dan kasih sayang”

keji itu.

Tiadakah belas kasihan dan perikemanusiaan kita terhadap anak? Walau senakal mana, seculas mana, mereka tetap kanak-kanak yang masih lagi belum diberi akal yang cukup sempurna untuk memikirkan yang mana betul dan salah.

Tergamakkah kita sebagai ibu atau bapa mendera dan memukul anak sebegitu kejam.

Didikan agama

Memukul untuk mendidik, menimbulkan kecederaan yang serius dan menyebabkan kematian. Anak ialah amanah Allah untuk dididik dengan agama dan kasih sayang.

Kita melahirkan anak bukan untuk memukul mereka tetapi kita mendidik mereka dengan acuan kita dalam hidup beragama, agar suatu masa hari nanti mereka akan membesar menjadi anak yang bermanfaat kepada keluarga, bangsa dan negara.

Dalam hadis “apabila mati anak Adam terputus darinya melainkan tiga perkara iaitu anak yang soleh, ilmu bermanfaat dan sadaqah ja-



Keratan akhbar BH pada 3 Februari 2018.

riah” (Riwayat Muslim).

Anak ialah harta negara yang cukup berharga dan bernilai. Seandainya kita sebagai ibu bapa yang merosakkan mereka, suatu hari nanti bangsa dan negara kita jugalah yang akan rosak kerana tangan kejam kita.

Jadilah ibu bapa yang berakh-lak kerana seandainya kita ber-akh-lak insya-Allah akhlak kita akan dicontohi oleh anak dan ge-nerasi kita akan terpelihara da-ri pada kerosakan yang ada di mu-

ka bumi ini.

Semoga dengan solat dapat men-cegah perkara yang keji dan mung-kar serta menjauahkan diri dari-pada melakukan kezaliman yang besar.

Solat tiang agama dan perkara yang utama dalam mendidik anak ke arah menjadi insan yang kamil di dunia dan di akhirat.

Siti Fatihah Binti Osman,
Pensyarah dari Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim